

13 AUG 2001

Syed Hamid-Yemen

DR MAHATHIR LAWAT YEMEN MULAI RABU

KUALA LUMPUR, 13 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan lawatan rasmi empat hari ke Republik Yemen bermula Rabu ini.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata Perdana Menteri yang diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali akan disertai beberapa menteri kabinet, menteri besar, anggota Parlimen dan wakil daripada 21 syarikat swasta termasuk Petronas.

Lawatan itu bertujuan mengukuhkan hubungan kedua-dua negara di samping mempelopori peluang perdagangan dan pelaburan, katanya pada persidangan media mengenai lawatan berkenaan di Wisma Putra hari ini.

"Perdana Menteri dijadualkan mengunjungi Presiden Yemen Ali Abdullah Salleh, menemui anggota Majlis Syura dan mengadakan sesi dialog dengan Dewan Perdagangan dan Industri Yemen," katanya.

Dr Mahathir juga dijangka bertemu pelajar Malaysia di Hadramaut.

Syed Hamid yang akan turut menyertai rombongan Perdana Menteri, berkata beliau akan menandatangani dua perjanjian persefahaman -- penubuhan suruhanjaya bersama antara Malaysia dan Yemen dan bidang perkhidmatan awam.

"Menerusi MoU perkhidmatan awam ini, kita akan memberi latihan dan modul latihan kepada kakitangan perkhidmatan awam Yemen," katanya.

Menurutnya eskport Malaysia ke Yemen adalah kira-kira RM260 juta manakala import pula bernilai RM67 juta.

"Kebanyakan yang kita eksport adalah barangan elektrik," katanya.

-- BERNAMA

NM AZZ RON